

GARISPANDUAN PENGISIAN PERAKUAN BAYARAN PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Oleh kerana tiada borang khusus, terdapat kekeliruan mengenai format untuk memperakukan Bayaran Pendahuluan. Amalan semasa yang digunakan sekarang ialah melalui penggunaan Borang JKR 66 (Pin.3/1999).
- 1.2 Bayaran Pendahuluan tidak diberi secara automatik, sebaliknya Kontraktor hendaklah mengemukakan permohonan tidak lewat daripada 3 bulan dari tarikh milik tapak bagi mendapat kemudahan bayaran pendahuluan. Setiap kontraktor dikehendaki mengadakan satu jaminan bagi jumlah yang sama nilainya dengan bayaran pendahuluan yang dikehendaki. Jaminan tersebut boleh dikemukakan dalam bentuk-bentuk berikut:-
 - i. Jaminan Bank
 - ii. Jaminan Syarikat Kewangan
 - iii. Jaminan Insurans
 - iv. Jaminan Bank Islam
 - v. Jaminan Takaful
 - vi. Jaminan Bank Pembangunan dan infrastruktur Malaysia Berhad (BPIMB)
- 1.3 Kemudahan ini diberikan kepada kontraktor tempatan sahaja bagi semua jenis kontrak termasuk Design and Build.

2.0 BORANG YANG DIGUNAPAKAI

- 2.1 Borang yang digunakan ialah Borang **JKR 66(Pin.3/1999)**. Sila rujuk **LAMPIRAN I**.

3.0 PANDUAN MENGISI BORANG

3.1 TAJUK BORANG

- 3.1.1 Pinda tajuk borang dari Perakuan Bayaran Interim No... kepada Perakuan **BAYARAN PENDAHULUAN**.

3.2 BUTIRAN-BUTIRAN KONTRAK

- 3.2.1 Isikan semua butiran kontrak.
- 3.2.2 Lengkapkan alamat mengikut alamat di Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) atau alamat surat-menyurat terkini yang disahkan secara bertulis dan ditandatangani oleh kontraktor/penama ang terdapat didalam Sijil Pendaftaran PKK

3.3 **BAHAGIAN A – BUTIR-BUTIR BAYARAN DAN POTONGAN**

- 3.3.1 Masukkan tarikh perakuan disediakan di item 1 – TARIKH PENILAIAN
- 3.3.2 Taipkan (-) disemua ruang pengisian kecuali untuk item 2,4 dan ruangan **BAYARAN DISYORKAN**.
- 3.3.3 Masukkan nilai yang dikira di :-
- a. Item 2 - NILAI KERJA DILAKSANAKAN DAN AMAUN-AMAUN LAIN YANG KENA DIBAYAR,
 - b. Item 4 - NILAI BERSIH KERJA SEMASA dan;
 - c. ruangan **BAYARAN DISYORKAN**.

Catatan:

Sedia perkiraan mengikut SPP Bil.10/2002 dan lampirkan perkiraan.

- 3.3.4 Pegawai Pengesyor
- Turunkan tandatangan dan cop nama serta jawatan pegawai yang bertanggungjawab menyelia projek.
- 3.3.5 Masukkan tarikh tandatangan pengesyoran dibuat

3.4 **BAHAGIAN B- PERAKUAN BAYARAN**

- 3.4.1 Masukkan nilai bayaran disyorkan di item 1(a) Kepada Kontraktor Utama, ruangan **Jumlah Bayaran Interim** dan **BAYARAN DIPERAKUKAN**.
- 3.4.2 Masukkan nilai dalam perkataan.
- 3.4.3 Pegawai Yang Diberkuasa Memperakukan
- Turunkan tandatangan wakil Pegawai Penguasa yang dilantik dan cop nama serta jawatan. Sekiranya Wakil Pegawai Penguasa belum dilantik, perakuan ini hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Penguasa.
- 3.4.4 Masukkan tarikh tandatangan perakuan dibuat.

Pembangunan Ukur Bahan JPS Malaysia
- Kumpulan 1

4.0 SAMPEL

Sampel Borang **JKR 66 (Pin.3/1999)** yang telah diisi adalah seperti di **SAMPEL A.**

5.0 PERAKUAN DAN DOKUMEN-DOKUMEN SOKONGAN

5.1 Sertakan perakuan dan dokumen-dokumen sokongan berikut semasa mengemukakan Perakuan:-

- i. Enam (6) salinan Borang **JKR 66 (Pin. 3/1999)** yang telah dilengkapi serta perkiraan nilai Bayaran Pendahuluan.
- ii. Tiga (3) salinan Surat Setujuterima Tender yang telah ditandatangani, yang diakui sah.
- iii. Tiga (3) salinan Jaminan Bank/Insurans/Institusi Kewangan bagi Bon Pelaksanaan, (jika berkenaan) yang diakui sah.
- iv. Tiga (3) salinan Jaminan Bank/Insurans/Institusi Kewangan bagi bayaran Wang Pendahuluan, yang diakui sah.
- v. Tiga (3) salinan pengesahan ke atas jaminan bagi Bon Pelaksanaan dan jaminan bagi bayaran Wang Pendahuluan, yang diakui sah.
- vi. Tiga (3) salinan Polisi Insurans atau Nota Liputan (cover note) dan resit bayaran premium, yang diakui sah.
- vii. Tiga (3) salinan surat dari PERKESO (SOCISO) yang menunjukkan nombor PERKESO Kontraktor, yang diakui sah.
- viii. Tiga (3) Salinan Kelulusan Lembaga Perolehan (jika perlu), yang diakui sah.
- ix. Salinan surat dari Kontraktor yang ditandatangani oleh penama bertauliah memaklumkan nombor akaun dan alamat bank syarikatnya yang diakui sah.

6.0 PEKELILING BERKAITAN

6.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan

- i. **SPP Bil.10/2002 (Tambahan ke 6 kepada SPP Bil.2/1995).**
Kemudahan Bayaran wang Pendahuluan kepada Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan.
- ii. **SPP Bil.1/1999 – (Tambahan Pertama kepada SPP 10/1995)**
Tatacara Bayaran Bagi Perolehan Kerajaan
- iii. **SPP Bil.10/1995**
Tatacara Bayaran Bagi Perolehan Kerajaan.

6.2. Surat Pekeliling JPS

- i. **Rujukan (49) dlm PPT.416 Jilid 2** bertarikh 15.5.1986
Dokumen-dokumen Untuk Bayaran Wang Pendahuluan, Bayaran Kemajuan Pertama dan Bayaran Terakhir Bagi Kontrak Kerja.
- ii. **Rujukan (8) dlm PPS 10/4/2 CUB Jilid 2** bertarikh 16.7.1996
Bayaran Balik Wang Pendahuluan Melalui Pemoangan Dalam Bayaran Kemajuan Dengan Menggunakan Borang JKR 66.

7. FAQ

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Perluakah kontraktor memohon?	Ya, kerana ianya tidak diberi automatik.
2.	Adakah terdapat had tempoh permohonan?	Permohonan hendaklah dikemukakan oleh kontraktor tidak lewat dari 3 bulan dari tarikh milik tapak.
3.	Adakah jumlah bayaran boleh dibundarkan?	Ya, dengan syarat ianya sama seperti amaun yang dinyatakan di dalam jaminan.
4.	Bolehkah bayaran pendahuluan dibuat setelah bayaran interim dikeluarkan?	Ya, selagi permohonan kontraktor dikemukakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh milik tapak.
5.	Bolehkah usahasama kontraktor tempatan dan kontraktor asing mendapat kemudahan bayaran pendahuluan?	Tidak. Tujuannya adalah untuk membantu kontraktor 100% tempatan.